

06/02/2001

Pelanjutan tempoh Rancangan Malaysia banyak kebaikan

BARU-BARU ini Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata kerajaan sedang mengkaji melanjutkan tempoh Rancangan Malaysia dari 5 kepada 10 tahun (Berita Harian 2 Februari 2001). Rasional yang diberi ialah setiap rancangan mempunyai hubungan dengan rancangan seterusnya. Dr Mahathir diminta mengulas terhadap pandangan ahli ekonomi yang mahu Rancangan Malaysia lima tahun sekarang, dilanjutkan bagi membolehkan pertumbuhan lebih cergas.

Rancangan 10 tahun dikatakan lebih baik untuk melakarkan pertumbuhan ekonomi oleh kerana tempoh 5 tahun agak pendek untuk tujuan perancangan dan pembangunan ekonomi yang berkesan dan bermakna. Cadangan supaya tempoh Rancangan Malaysia dilanjutkan kepada 10 tahun boleh dikatakan menarik (lihat juga Business Times 2 Februari 2001). Seorang ahli ekonomi berpendapat keperluan melanjutkan tempoh rancangan ketara sekali dalam tempoh 1986-1996 yang mana ekonomi Malaysia sudah mengalami pertumbuhan yang pesat.

Pembangunan negara dalam tempoh itu mungkin lebih baik dikendalikan di bawah satu rancangan pembangunan yang lebih panjang, tidak oleh dua rancangan lima tahun.

Pada pandangan saya cadangan supaya dilanjutkan tempoh Rancangan Malaysia ke-10 tahun mempunyai merit. Rancangan Malaysia ke-8 (yang akan dibentangkan pada sidang Parlimen akan datang) merupakan kesinambungan kepada Rancangan Malaysia ke-7.

Terdapat keadaan yang mana rancangan/projek yang dirancang dan diluluskan pelaksanaannya dalam RK-7 masih belum selesai, dan berlanjutan ke RM-8. Keadaan ini berlaku bagi projek bersifat jangka panjang, yakni mengambil masa tiga hingga lima tahun, dari tarikh projek mula dirancang hingga tamat pembinaannya. Banyak perkara boleh melambatkan selesainya sesuatu projek.

Antaranya masalah pengambilan tanah, masalah pengurusan, kekurangan tenaga kerja mahir, kenaikan kos yang tidak diduga dan sebagainya. Kelewatan menyelesaikan projek bukanlah hujah yang utama untuk memanjangkan tempoh Rancangan Malaysia. Hujah yang lebih utama berasaskan panjangnya "planning horizon" sesuatu projek. "Planning horizon" sebenarnya lebih panjang jika kita ambil tempoh produktif sesuatu projek. Jika kita jumlahkan tempoh pelaksanaan projek dengan tempoh produktif projek, "planning horizon" projek mungkin melebihi 10 tahun.

Justeru, tempoh perancangan 10 tahun lebih munasabah daripada lima tahun. Perlanjutan tempoh rancangan juga konsisten dengan amalan meneliti sumbangan sesuatu projek kepada peningkatan dalam pendapatan/output dari tahun ke tahun sepanjang tempoh produktifnya. Rancangan Malaysia ke-8 dijangka mengandungi sorotan prestasi dan jangkaan ekonomi, anggaran perbelanjaan, peruntukan pembangunan dan projek baru yang akan dilaksanakan dan sumber pembiayaannya.

Perancangan yang rapi dan tersusun akan dikemukakan sebagai landasan untuk mengemudi peralihan ekonomi Malaysia daripada p-ekonomi kepada k-ekonomi, dan juga menghadapi cabaran daripada proses globalisasi, liberalisasi dan pelaksanaan Asean Free Trade Area (AFTA) pada tahun 2003. Kita jangka tumpuan akan diberi kepada pembangunan infrastruktur yang bersifat jangka panjang.

Pembangunan dan perbelanjaan infrastruktur yang dimulakan dalam RM-7 ada yang masih belum selesai. Keperluan peralihan kepada k-ekonomi pula

berkehendakkan pembangunan infrastruktur yang lebih canggih dan menyeluruh, supaya tercapai keseimbangan capaian antara Bandar dan luar Bandar, di samping bersaing dengan negara pesaing seperti Singapura, Taiwan dan Korea Selatan, yang jauh lebih terkehadapan dari segi persediaan ke arah menjadi sebuah k-ekonomi.

Seiring dengan pembangunan infrastruktur, RM-8 juga dijangka memberi perhatian kepada pembangunan sumber manusia, pengukuhan sistem sains dan teknologi, dan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Kesemua ini bersifat jangka panjang. Pelaksanaan dan juga kesannya sudah pasti melebihi lima tahun. Sebagai contoh, projek untuk meningkatkan kecelikan komputer di kalangan murid sekolah rendah diterjemahkan kepada penghasilan pekerja-k hanya selepas 13 ke-15 tahun.

Apa pun hujah dan rasional yang dikemukakan, amat penting sekali kecekapan pelaksanaan projek dipertingkatkan. Sistem pemantauan dan amaran awal yang telus diperlukan supaya pelaksanaan projek berjalan dengan licin dan mengikut jadual. Ini boleh mengelakkan berlakunya kelewatan dan tumpuan pelaksanaan projek nanti di penghujung sesuatu rancangan.

Tempoh 10 tahun boleh dikatakan agak panjang. Banyak perkara yang tidak diduga boleh berlaku. Justeru, perlu wujud juga kelenturan dalam pelaksanaan rancangan. Tetapi lebih penting ialah meningkatkan keupayaan pengurusan maklumat dan jangkaan pengurusan krisis.

(END)